



## TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pemohon berhubung Garis Panduan Permohonan dan Pemasangan Lampu Jalan Awam MPSP. Garis panduan ini merangkumi proses berikut:

- a. Carta aliran kerja proses permohonan pemasangan lampu jalan awam MPSP
- b. Cadangan borang permohonan pemasangan lampu jalan awam MPSP

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN ULASAN PEMASANGAN LAMPU JALAN AWAM MPSP

- I. Lampu jalan awam yang dipasang berdasarkan jenis tiang konkrit TNB dengan kadaran kuasa 150W HPSV berdasarkan jalan dan kedudukan tiang seperti berikut:-

BIL	JENIS JALAN	KAEDAH PEMASANGAN
1	Jalan Taman Perumahan	Dipasang lampu berselang seli setiap 1 tiang.
2	Jalan Kampung/ Minitar	Dipasang lampu berselang seli setiap 1 tiang.
3	Jalan yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri:- a) Jalan senggaraan MPSP b) Selain jalan senggaraan MPSP	a) Permohonan lampu jalan awam akan dipertimbangkan seperti kaedah di para 1 dan 2. b) Permohonan akan di panjangkan kepada pihak berkuasa jalan berkenaan.
4	Persimpangan jalan, selekoh merbahaya, bonggol jalan, jalan depan rumah ibadat, jalan depan dewan, tepi pondok bas dan lain-lain lokasi berisiko berlaku kemalangan dan kegiatan jenayah pada waktu malam	Pemasangan akan dipertimbangkan atas faktor keselamatan.



II. Permohonan lampu jalan di tiang-tiang sedia ada hendaklah melalui:-

- Ahli Parlimen / Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)
- Ahli Majlis
- Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK)
- Persatuan Penduduk / Rukun Tetangga

III. Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Lampu Jalan Awam MPSP yang disediakan dan diisi dengan lengkap serta perlu dikemukakan bersama pelan lokasi lengkap semasa membuat permohonan

IV. Caj Pemasangan dan Pembiayaan Lampu Jalan Awam dikatogerikan seperti berikut:-

BIL	KATEGORI CAJ PEMASANGAN	DIBIYAI OLEH
1	Tambahan tiang dan caj sesalur	Ahli Parlimen / ADUN / Ahli Majlis / JKKK / Pemohon atau mana-mana pihak bagi tujuan CSR.
2	Caj sesalur di tiang sedia ada	

\* Bil elektrik terhadap pemasangan lampu jalan akan dibiayai oleh MPSP yang mana ianya termasuk kos penyelenggaraan, manakala kos pemasangan yang melibatkan 2 kategori di atas perlu dibiayai oleh Ahli Parlimen / ADUN / Ahli Majlis / JKKK / Pemohon atau mana-mana pihak bagi tujuan CSR.

V. Kawasan yang tidak diberi perkhidmatan lampu jalan awam MPSP adalah seperti berikut:-

- Dalam kawasan berpagar ( contoh sekolah, klinik rumah ibadat dll )
- Dalam kawasan rumah pangsa/flat di bawah tanggungjawab Join Management Body (JMB ) / Management Body (MB)
- Jalan / lorong belakang taman perumahan.

VI. Proses kerja / carta aliran kerja dan cadangan borang baru Permohonan Pemasangan Lampu Jalan Awam MPSP adalah seperti di Lampiran B dan Lampiran C.